

NURZAIHAN BIN ISMAIL v TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI,
MALAYSIA DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis

| [2018] MLJU 1568

Nurzaihan bin Ismail lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain
[2018] MLJU 1568

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

ALIZA SULAIMAN PK

PERMOHONAN JENAYAH NO 44-148-09 TAHUN 2017

13 June 2018

Luqman bin Mazlan (Kay Fatima Ahmad bersama beliau) (Shamsuddin & Co) bagi pihak pemohon.

Norazlin Mohamad Yusoff (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Aliza Sulaiman PK:

PENGHAKIMAN Pengenalan

[1] Ini adalah suatu permohonan untuk satu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap Pemohon yang kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan di bawah subseksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316] melalui satu perintah tahanan bertarikh 28 Mac 2017 yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

....

[2]Melalui satu Notis Usul yang difailkan pada 8 September 2017 (Lampiran 1), Pemohon memohon supaya suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan bagi membebaskan Pemohon daripada tahanan yang didakwa adalah tidak sah.

Latar Belakang

[3]Menurut Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh Pemohon pada 16 Ogos 2017 (Lampiran 2), dia telah ditangkap dan ditahan oleh pihak polis pada 28 Januari 2017 atas dakwaan terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya. Berdasarkan Afidavit Jawapan oleh Superintenden Helmi Bin Aris, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ('JSJN'), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah ('IPK Kedah') yang diikrarkan pada 11 Oktober 2017 (Lampiran 9), dia telah menerima fail kes berkaitan dengan penangkapan dan penahanan Pemohon di bawah seksyen 3 Akta 316 daripada pegawai polis yang menjalankan penyiasatan terhadap Pemohon iaitu Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat pada 7 Februari 2017.

[4]Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri iaitu Nadia Binti Mohd Izhar pada 7 Mac 2017 selaras dengan peruntukan subseksyen 3(3) Akta 316 (Afidavit-Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat pada 10 November 2017 dan 13 Oktober 2017 sebagaimana Lampiran 13 dan 6 masing-masing adalah dirujuk).

[5]Pegawai Siasatan Nadia telah menjalankan penyiasatan secara fizikal terhadap Pemohon pada 14 Mac 2017 dan pada 28 Mac 2017, laporan secara bertulis telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316.

[6]YB Dato' Masir Anak Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah meneliti laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri ('KDN') yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3) dan 5(4) Akta 316 dan berpuas hati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam Pemohon perlu ditahan. Dengan itu, YB Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan supaya Pemohon ditahan selama dua tahun mulai 28 Mac

....

2017 di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan melalui satu perintah tahanan di bawah subseksyen 6(1) Akta 316 yang bertarikh 28 Mac 2017 ('PT tersebut') (Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh YB Dato' Masir Anak Kujat pada 4 Oktober 2017 di Lampiran 5 dirujuk).

[7]Pemohon telah mengemukakan representasi terhadap PT tersebut kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Representasi tersebut telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 6 Jun 2017 dengan kehadiran Pemohon dan peguamnya, Dato' Rosal Azimin Bin Ahmad (Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Redman Bin Safar pada 24 November 2017 di Lampiran 18 dirujuk).

[8]Lembaga Penasihat telah menimbangkan representasi Pemohon pada 9 Jun 2017 dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong selaras dengan subseksyen 10(1) Akta 316. Seterusnya, pada 24 Jun 2017, Yang di-Pertuan Agong telah menimbangkan syor Lembaga Penasihat dan memperkenankan PT tersebut.

[9]Alasan-alasan bagi menyokong permohonan Pemohon tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam Afidavit Sokongannya seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 366 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*]. Menurut Pemohon, tangkapan dan penahanannya berdasarkan PT tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak teratur kerana ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang iaitu, antara lain, seksyen-seksyen 3 dan 5 Akta 316 serta Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.

[10]Permohonan Pemohon telah didengar pada 3 Mei 2018. Berikutan arahan Mahkamah pada 18 Mei 2018 untuk penghujahan lanjut mengenai kes di TAB E Ikatan Otoriti Pemohon iaitu *Nadarajah a/l Nagaratnam v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2018] MLJU 37 [yang telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Richard a/l Arokiam v Menteri Dalam Negeri, Malaysia; Ketua Polis Negara, Malaysia & Pengarah, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor* (RJ 05-81-04-2017; Mahkamah Tinggi Permohonan Jenayah No. 44-03-01/2017)], maka pendengaran lanjut permohonan Pemohon telah dijalankan pada 25 Mei 2018 sebelum keputusan Mahkamah diberikan pada 31 Mei 2018.

....

Afidavit-Afidavit Jawapan Responden-Responden

[11] Responden-Responden telah memfailkan 12 Afidavit-Afidavit Jawapan untuk membantah permohonan Pemohon iaitu seperti yang berikut:

- (a) Afidavit Jawapan oleh YB Dato' Masir Anak Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia yang diikrarkan pada 4 Oktober 2017 (Lampiran 5);
- (b) Afidavit Jawapan oleh Nadia Binti Mohd Izhar, Pegawai Siasatan KDN yang diikrarkan pada 13 Oktober 2017 (Lampiran 6);
- (c) Afidavit Jawapan oleh Arbi Bin Suhadat, Penolong Setiausaha di Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN yang diikrarkan pada 6 Oktober 2017 (Lampiran 7);
- (d) Afidavit Jawapan oleh Asisten Komisioner Polis Goh Lee Fook, Penolong Pengarah Tahanan, JSJN, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 13 Oktober 2017 (Lampiran 8);
- (e) Afidavit Jawapan oleh Superintenden Helmi Bin Aris, Ketua JSJN, IPK Kedah yang diikrarkan pada 11 Oktober 2017 (Lampiran 9);
- (f) Afidavit Jawapan oleh Mohd Zamri Bin Ngah, Penguasa Penjara dan Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan yang diikrarkan pada 16 November 2017 (Lampiran 11);
- (g) Afidavit Jawapan oleh Mohd Ilham Bin Abdullah, Warder Penjara di Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan yang diikrarkan pada 16 November 2017 (Lampiran 12);
- (h) Afidavit Jawapan oleh Inspektor Wan Mohd Fadillah bin Mat yang bertugas di JSJN, IPK Kedah yang diikrarkan pada 10 November 2017 (Lampiran 13);
- (i) Afidavit Jawapan oleh ASP Mohamad Sharil bin Md Isa, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah Kerian, Perak yang diikrarkan pada 10 November 2017 (Lampiran 14);
- (j) Afidavit Jawapan oleh Detektif Sarjan Siti Dewi Binti Che Man yang bertugas di JSJN, IPK Kedah yang diikrarkan pada 10 November 2017 (Lampiran 15);

....

- (k) Afidavit Jawapan oleh Redman Bin Safar, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia yang diikrarkan pada 24 November 2017 (Lampiran 18); dan
- (l) Afidavit Jawapan oleh Koperal Tee Tian Lai yang bertugas di Bahagian Tahanan, Balai Polis Simpang Renggam, Johor yang diikrarkan pada 30 November 2017 (Lampiran 19).

[12]Tiada Afidavit Jawapan yang telah difailkan oleh Pemohon terhadap Afidavit-Afidavit Responden-Responden yang dinyatakan di atas.

Isu & Analisa Undang-Undang

[13]Terdapat beberapa alasan dalam Afidavit Sokongan Pemohon bagi mencabar keesahan PT tersebut. Walau bagaimanapun, dalam Penghujahan Bertulis peguam Pemohon bertarikh 8 April 2018 dan semasa penghujahan lisan, Pemohon hanya bergantung kepada satu alasan iaitu kegagalan Responden-Responden untuk mematuhi prosedur mandatori di bawah subseksyen 5(4) Akta 316 telah menyebabkan pengeluaran PT tersebut menjadi cacat dan defektif.

[14]Dalam kes *Andrew s/o Thamboosamy v Superintendent of Pudu Prisons, Kuala Lumpur* [1976] 2 MLJ 156, Ketua Hakim Negara pada masa itu menyatakan “... *we agree that any form of detention does violence to section 5(1) of the Constitution*” yang mana salah satu kebebasan asasi yang termaktub di bawah Fasal (1) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

“5. (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.”.

[15]Ketua Hakim Negara dalam kes yang sama turut mengingatkan bahawa “... *power given by law to detain must be construed strictly and in cases of doubt or ambiguity the court should lean in favour of the subject. Government is the most powerful body in the country and the court should be vigilant to see that Government does not exceed its power when dealing with individuals.*”.

....

[16] Kuasa Mahkamah Tinggi berkenaan perkara ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 365 Akta 593 iaitu:

“5. ... (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.”.

“365. *The High Court may whenever it thinks fit direct -*

(a) *that any person who:*

(i) *is detained in any prison within the limits of Malaysia on a warrant of extradition whether under the Extradition Act 1992 [Act 479]; or*

(ii) *is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia,*

be set at liberty;

(b) *that any defendant in custody under a writ of attachment be brought before the Court to be dealt with according to law.”.*

[17] Seterusnya, seksyen 11C Akta 316 memperuntukkan mengenai kajian semula kehakiman (yang mana perenggan (c) di bawah seksyen 11D Akta 316 menyatakan “kajian semula kehakiman” adalah termasuk prosiding yang dimulakan dengan cara writ *habeas corpus*) berkenaan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri seperti yang berikut:

“11C.

(1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu.

(2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 6A.”

....

[penekanan ditambah]

[18]Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914 telah menetapkan bahawa bagi sesuatu permohonan writ *habeas corpus* yang melibatkan tahanan pencegahan, semakan kehakiman hanyalah boleh dibuat terhadap isu ketidakpatuhan apa-apa kehendak prosedur menurut perundangan yang berkenaan. Beban untuk membuktikan bahawa sesuatu penahanan adalah sah dari segi undang-undang sentiasa terletak pada *detaining authority* (*SK Tangakaliswaran Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 dirujuk).

[19]Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, isu yang dibangkitkan oleh Pemohon ialah berkenaan kegagalan Responden-Responden untuk mematuhi prosedur mandatori di bawah subseksyen 5(4) Akta 316 yang dikatakan telah menyebabkan pengeluaran PT tersebut menjadi cacat dan defektif. Dalam perkara ini, peguam Pemohon telah bergantung kepada penghakiman dalam kes *Nadarajah* yang telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Richard Arokiam*.

[20]Petikan daripada penghakiman Yang Arif Dato' Indera Mohd Sofian Bin Tan Sri Abd Razak dalam kes *Richard Arokiam* di peringkat Mahkamah Tinggi pada 15 Mei 2017 adalah seperti yang berikut:

"ii) The 2nd issue, was the fact that there were discrepancies between the reply by Inspector Billy the police investigating officer and the reply by Puan Siti Rafidah, the Inquiry officer.

iii) The 3rd issue was the failure to comply with Section 3(3) of the Act.

Both issues will be dwelt with together as both as intertwined.

According to the learned counsel, in paragraph 11 of the affidavit in reply by Inspector Billy, the police investigating officer stated that on 8.8.2016 he had served a copy of his investigation report to the Hon Deputy Minister, who confirmed receiving the same from Inspector Billy Stephen and also served a copy of the report on the Inquiry officer. However in paragraph 6 of the affidavit in reply of Siti Rafiah, the Inquiry officer stated that on 23.8.2016 she received a copy of the report from Inspector Billy Stephen. The inquiry officer however did not mention that she had received a complete report of

....

Inspector Billy Stephen on 8.8.2016. There was not corrective affidavit filed by the Inquiry officer with regard to whether she had received the report from the investigation. The learned counsel cited the cases of S.K Tangakiswaran v TMDN & Ors (2009) 6 CLJ 705 and Murugan Supparamaniam v TMDN 7 Ors (2010) 4 MLJ 488.

In so far as the issue of non-compliance of Section 3(3) of the Act, it was pegged to the discrepancies of the material facts in the police investigating officer affidavit in reply and that of the Inquiry officer. The learned counsel submitted that the respondent failed to show that a copy the report by Inspector Billy Stephen was received by the Inquiry officer on 8.8.2016 as averred by Inspector Billy Stephen. Instead the Inquiry officer in her affidavit in reply stated that she received a copy of the report by Inspector Billy Stephen on 23.8.2016 contrary to what Inspector Billy Stephen had stated. The query was whether the report which Inspector Billy Stephen served on the 8.8.2016 on the Inquiry officer and the report which the Inquiry officer received on 23.8.2016 were the same reports of the investigation by Inspector Billy Stephen on the applicant held on 26.7.2016. Since two inferences could be made with regard to the report served by Inspector Billy on 8.8.2016 and the report received by the Inquiry officer on 23.8.2016, in consequence thereof, the respondent has failed to prove that a report referred to in Section 3(3) of the Act had actually served on the Inquiry officer.

The respondent in response to the above averment submitted that the discrepancies in the two dates which Inspector Billy Stephen served on the Inquiry officer on 8.8.2016 and the receipt by the Inquiry officer on 23.8.2016 was a typographical error. The respondent relied on the case of Tay Lay Beng v MHEDN (2004) 8 CLJ 674.

The Court having perused the relevant affidavit in reply of Inspector Billy Stephen, the investigating officer, Siti Rafiah, the Inquiry officer and YB Maisr a.k. Kujat, the Hon Deputy Minister, was of the view that the discrepancies between the two dates namely 8.8.2016 as date of service of report by Inspector Billy Stephen and 23.8.2016 as dated of receipt by the Inquiry officer was clearly a topographical error when it is compared to the affidavit in reply of the Hon Deputy Minister at paragraph 7 where it was stated as follows:

7. Pada 08.08.2016, saya telah terima laporan lengkap penyiasatan yang berkaitan dengan aktiviti Pemohon daripada Inspektor Polis Billy Stephen iaitu Pegawai Penyiasat Polis dibawah seksyen 3(3) Akta tersebut. Selanjutnya, pada 09.08.2016, saya telah menerima laporan di bawah seksyen 5(4) Akta tersebut dari Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri, Siti Rafiah binti Zainuddin. '

The Court was of the view that the Inquiry officer must have received the investigation report on 8.8.2016 and had mistakenly stated in her affidavit in reply that she received it on 23.8.2016. Upon receipt of the investigation report on 8.8.2016, she then prepared and served her inquiry report on the Hon Deputy Minister on 9.8.2016.

The Court was of the considered view that pursuant to Section 6(1) of the Act, before the Hon Minister made the detention order on the applicant, it was imperative on him to consider the two (2) reports namely:

- (a) *the complete report of investigation submitted under subsection 3(3); and*
- (b) *the report of the Inquiry officer submitted under subsection 5(4).*

....

In this respect, the Court was of the considered opinion that there was no procedural non-compliance of Section 3(3) of the Act, as it was clearly stated in the affidavit in reply of Inspector Billy Stephen that investigation report was served on the Inquiry officer and on the Hon Deputy Minister on 8.8.2016.”

[penekanan ditambah]

[21]Daripada petikan di atas, Pegawai Penyiasat polis dalam kes *Richard Arokiam* telah mengikrarkan dalam affidavit jawapannya bahawa dia telah menyerahkan laporan penyiasatan kepada Pegawai Inkuiri pada 8 Ogos 2016. Pegawai Inkuiri pula menyatakan dalam affidavit jawapannya bahawa dia menerima laporan daripada Pegawai Penyiasat polis pada 23 Ogos 2016. Oleh itu, persoalan yang berbangkit ialah sama ada laporan yang diserahkan oleh Pegawai Penyiasat polis pada 8 Ogos 2016 dan yang diterima oleh Pegawai Inkuiri pada 23 Ogos 2016 adalah laporan yang sama berkenaan penyiasatan yang telah dijalankan oleh Pegawai Penyiasat polis terhadap orang tahanan pada 26 Julai 2016. Pihak responden-responden dalam kes tersebut telah menghujahkan bahawa *discrepancies* dalam kedua-dua tarikh tersebut berlaku kerana *typographical error* tetapi tiada affidavit pembetulan yang telah diikrarkan dan difailkan.

[22]Mahkamah Tinggi dalam kes *Richard Arokiam* telah menerima penjelasan responden-responden mengenai *typographical error* namun petikan yang relevan daripada penghakiman Pesuruhjaya Kehakiman SM Komathy Suppiah (pada ketika itu) dalam kes *Nadarajah* yang telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Richard Arokiam* adalah seperti berikut:

“[13] The applicant contended that the respondents bore the burden of proving that the Inquiry Officer submitted a report to the Deputy Minister on the result of his inquiry. It was said that the affidavits filed by the respondents failed to discharge this burden. In this regard, the Court was referred to the affidavits of the Inquiry Officer and Deputy Minister. The Inquiry Officer averred in her affidavit that on 20 October 2016 she submitted her full report to the Deputy Minister in compliance with section 5(4) of the Act. It was further pointed out that there is no mention in the affidavit that the report was in relation to the applicant. It was further pointed out that the Deputy Minister in his affidavit confirmed that he received the section 5(4) report from the Inquiry Officer on 27 October 2016, but did not state that the report was in relation to the applicant. It was contended that in the absence of specific averments in the affidavits, it was not open to the Court to assume that the report

....

alluded to by the Inquiry Officer in her affidavit was the report she prepared on the applicant, and that this was the same report the Deputy Minister received on 27 October 2016.

[14] The applicant contended that the facts in the instant case were similar to the recent case of Richard Arokiam v MDN and 2 Others (RJ 05-81-04-2017) where the Federal Court set aside the detention order as it was not satisfied on the evidence that the report received by the Inquiry Officer was the same report sent to her by the Investigating Officer. In Richard Arokiam, the Investigating Officer averred that he sent a copy of his investigation report to the Inquiry Officer on 8 August 2016, and the Inquiry Officer in her affidavit averred that she received it on 23 August 2016. In view of the lapse of time between the date the report was sent and received, the Federal Court held that the respondents had failed to show compliance with section 3(3) of the Act which required the Investigating Officer to submit a copy of his investigation report to the Inquiry Officer.

[15] The learned Senior Federal Counsel confirmed that the detention order in Richard Arokiam's case was set aside by the Federal Court on this score, but, contended that the reasoning there would not apply here as the complaint here relates to the report of the Inquiry Officer that was sent to the Deputy Minister.

[16] With respect, I am unable to agree. The decision in Richard Arokiam illustrates the importance of making clear and specific averments in habeas corpus applications. Section 6(1) of the Act provides that the Minister must consider, inter alia, the report of the Inquiry Officer before making the detention order. The affidavit evidence of the Inquiry Officer and the Deputy Minister does not show that the report the Deputy Minister considered in making the detention order here was the report pertaining to the applicant. I therefore find that the respondents failed to prove there was compliance with section 5(4) of the Act in the making of the detention order.

[17] For the reasons stated, the application for a writ of habeas corpus is allowed."

[penekanan ditambah]

[23] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Richard Arokiam* "was not satisfied on the evidence that the report received by the Inquiry Officer was the same report sent to her by the Investigation Officer"

dan seterusnya mendapati bahawa "in view of the time lapse between the date the report was sent and received, the respondents had failed to show compliance with section 3(3) of the Act".

[24] Dalam kes *Nadarajah* pula, Mahkamah Tinggi telah mendapati bahawa "the affidavit evidence of the Inquiry officer and the Deputy Minister does not show that the report the Deputy

....

Minister considered in making the detention order here was the report pertaining to the applicant” dan dengan mengaplikasikan keputusan dalam Richard Arokiam yang menekankan “the importance of making clear and specific averments in habeas corpus applications”, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa responden-responden gagal membuktikan adanya pematuhan subseksyen 5(4) Akta 316.

[25]Peguam Pemohon dan Peguam Persekutuan telah memaklumkan Mahkamah ini bahawa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Nadarajah* telah ditarik balik apabila orang tahanan gagal dikesan selepas perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan. Memandangkan tiada keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengesahkan bahawa Mahkamah Tinggi dalam kes *Nadarajah* telah mengaplikasikan penghakiman kes *Richard Arokiam* dengan tepat, maka Mahkamah ini seharusnya membuat penilaian sendiri berkenaan pemakaian kes *Richard Arokiam* kepada kes di hadapan Mahkamah sekarang berdasarkan Afidavit-Afidavit Jawapan yang telah dikrarkan bagi pihak Responden-Responden.

[26]Afidavit Jawapan Nadia menyatakan, antara lain, seperti yang berikut:

“10. Selanjutnya, setelah mendengar dan menimbangkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh Pemohon, keterangan-keterangan daripada saksi-saksi dan setelah meneliti laporan lengkap penyiasatan yang telah dikemukakan oleh **INSPEKTOR WAN MOHD FADILLAH BIN MAT** berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Pemohon yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, saya kemudiannya telah menyediakan satu laporan bertulis kepada Menteri Dalam Negeri yang saya nyatakan bahawa berdasarkan laporan lengkap penyiasatan oleh pihak polis dan siasatan fizikal yang telah saya jalankan ke atas Pemohon, saya telah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

11. Seterusnya, pada 28.03.2017, saya telah mengemukakan laporan lengkap kepada Menteri dalam Negeri bagi mematuhi seksyen 5(4) Akta tersebut...”.

[penekanan ditambah]

[27]Afidavit Jawapan YB Dato’ Masir Anak Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri pula, antara lain, adalah seperti yang berikut:

....

"4. Di bawah Perkara 43A(2) dan seksyen 30 Jadual Kesebelas Perlembagaan Persekutuan, saya diperlukan untuk membantu Menteri Dalam Negeri dan bagi maksud sedemikian, saya mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri Dalam Negeri di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985...

...

7. Pada **7-03-2017**, saya telah menerima laporan lengkap penyiasatan yang berkaitan dengan aktiviti Pemohon daripada **INSPEKTOR WAN MOHD FADILLAH BIN MAT** iaitu Pegawai Penyiasat Polis di bawah sesyen 3(3) Akta tersebut. Selanjutnya, pada **28-03-2017**, saya telah menerima laporan di bawah seksyen 5(4) Akta tersebut daripada Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri iaitu **NADIA BINTI MOHD IZHAR**.

8. Setelah meneliti laporan-laporan tersebut, saya telah berpuas hati bahawa Pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya...".

[penekanan ditambah]

[28]Pembacaan perenggan-perenggan daripada Afidavit-Afidavit Jawapan Nadia dan YB Dato' Masir Anak Kujat seperti di atas jelas menunjukkan bahawa –

- (a) siasatan yang telah dijalankan oleh Pegawai Inkuiri Nadia adalah berkenaan dengan Pemohon iaitu aktiviti-aktiviti oleh Pemohon yang berkaitan dengan pengedaran dadah berbahaya;
- (b) laporan yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri Nadia adalah berkenaan dengan Pemohon ('laporan tersebut');
- (c) laporan tersebut disediakan bagi mematuhi subseksyen 5(4) Akta 316;
- (d) laporan tersebut telah dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri Nadia kepada YB Menteri Dalam Negeri pada 28 Mac 2017; dan
- (e) YB Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerima laporan tersebut pada 28 Mac 2017.

[29]Berhubung dengan persoalan bilakah laporan penyiasatan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316 diserahkan kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri sedangkan Pegawai Inkuiri menyatakan laporan tersebut diserahkan kepada YB Menteri Dalam Negeri dan sama ada

....

laporan yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri dan yang diserahkan kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri merupakan laporan yang sama, saya berpandangan bahawa perenggan 11 Afidavit Jawapan Nadia dan perenggan 7 Afidavit Jawapan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak sepatutnya dibaca *in isolation*. Pembacaan Afidavit-Afidavit tersebut secara keseluruhan terutamanya perenggan 10 Afidavit Jawapan Nadia dan perenggan-perenggan 4 dan 8 Afidavit Jawapan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri menunjukkan bahawa laporan penyiasatan dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri Nadia kepada YB Menteri Dalam Negeri pada 28 Mac 2017 dan diterima oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri pada tarikh yang sama.

[30]Laporan yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri Nadia diterima oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah dalam kapasiti beliau yang membantu Menteri Dalam Negeri dan mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri Dalam Negeri di bawah Akta 316. Dalam hal ini -

- (a) seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*] memperuntukkan seperti yang berikut:

“2. (1) The Yang di-Pertuan Agong may by order notify in the Gazette—

...

that a Minister has been conferred with any functions or has been charged with any responsibility in respect of a particular department or subject or that any transfer, to any other Minister, of any of the functions or responsibility referred to has been made;...”;

- (b) subperenggan 2(2) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] menyatakan -

“Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual yang berhubungan dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga dan keempat yang bersetentangan dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.”;

....

- (c) dalam jadual di bawah *P.U. (A) 184/2013*, Menteri Dalam Negeri adalah bertanggungjawab untuk menggubal dan melaksanakan dasar mengenai keselamatan dan ketenteraman awam. Tugas Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah untuk membantu Menteri Dalam Negeri dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan Menteri tersebut; dan
- (d) melalui subperenggan 2(k)(ii) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2016 [*P.U. (A) 155/2016*], Jadual kepada *P.U. (A) 184/2013* telah dipinda dan nama “Tuan Masir anak Kujat” dengan nama jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri telah dimasukkan bagi menggantikan Datuk Nur Jazlan bin Mohamed. Ini bermakna antara fungsi YB Dato’ Masir Anak Kujat pada masa yang material dalam kes ini ialah bertanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam, kesejahteraan dan keselamatan dalam negara serta melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta 316;

[31] Sungguhpun ayat pertama dalam perenggan 11 Afidavit Jawapan Nadia dan ayat kedua dalam perenggan 7 Afidavit Jawapan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak menyebut bahawa laporan ialah yang berkenaan dengan Pemohon (*report pertaining to the Applicant*), pada pandangan saya tidak terdapat keraguan bahawa laporan penyiasatan yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri Nadia ialah berkenaan dengan Pemohon dan laporan yang sama telah diterima oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri.

[32] Tiada *discrepancy* tarikh, sebagaimana dalam kes *Richard Arokiam*, yang berlaku dalam kes Pemohon. *Averments* dalam Afidavit-Afidavit Jawapan Nadia dan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri apabila dibaca setiap perkataan dan setiap ayat menurut urutan perenggan-perenggan di dalamnya tidak menunjukkan berlakunya ketidakpatuhan prosedur seperti yang diujahkan oleh peguam Pemohon yang menyebabkan PT tersebut menjadi defektif.

[33] Tambahan pula, Mahkamah ini *does not have the benefit of the affidavits in reply as affirmed by the respondents in Nadarajah’s case* untuk dibuat perbandingan dengan Afidavit-Afidavit Jawapan yang difailkan oleh Responden-Responden dalam kes ini. Setiap permohonan untuk

....

perintah writ *habeaus corpus* semestinya diputuskan berdasarkan kandungan semua Afidavit yang difailkan bagi maksud sesuatu permohonan tersebut.

[34]Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya telah menolak permohonan untuk suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap Pemohon.

End of Document